

DIALOG ELAK KETEGANGAN UMNO — PAS

KUALA LUMPUR 3 Mei — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan pertemuannya dengan tiga orang pemimpin PAS awal bulan lalu tidak menyentuh soal politik tetapi cuma membincangkan perkara - perkara bersangkutan dengan agama dan cara-cara untuk mengelakkan ketegangan di antara UMNO dan PAS di waktu pilihanraya umum.

Perdana Menteri berkata pertemuan di Seri Perdana pada 6 April itu juga tidak sama sekali membincangkan soal penyertaan PAS dalam Barisan Nasional.

"Kita tidak bercakap soal politik tetapi cuma soal meng-

urangkan ketegangan (antara UMNO - PAS) kerana maksud pilihanraya dan juga untuk mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diinginkan di waktu pilihanraya," tambahnya kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO selama empat jam di Kompleks UMNO.

Ini adalah kali pertama beliau membuat penjelasan terperinci secara terbuka tentang tujuan perjumpaan itu yang dihadiri oleh Ketua Pemuda UMNO, Encik Anwar Ibrahim, Yang Dipertua Agung PAS, Haji Yusuf Rawa, Timbalan Yang Dipertua PAS, Haji Fadzil Noor dan Bendahari PAS, Syed Abdul Rahman.

Presiden UMNO itu telah menerangkan kepada Majlis Tertinggi tentang "dialog" UMNO - PAS itu yang menurutnya PAS dan UMNO setuju tidak diberi publisiti dan tidak perlu mengeluarkan sebarang kenyataan kepada akhbar.

Datuk Sri Dr. Mahathir mene-

gaskan perjumpaan itu diadakan kerana beliau tidak mahu ketegangan UMNO - PAS ditingkatkan menjadi rusuhan atau perkara - perkara yang tidak diinginkan berlaku semasa pilihanraya.

Katanya, dialog itu pada pendapat UMNO adalah memadai kerana telah tercapai matlamatnya dan Majlis Tertinggi bersetuju jika dianggap perlu, pertemuan akan diadakan lagi.

Bagaimanapun beliau menegaskan sungguhpun dialog itu diadakan, UMNO tetap menentang PAS seperti terbukti dalam ucapannya di Kedah dua hari lalu yang mengecam hebat PAS.

Ditanya sama ada kejujuran UMNO untuk menyelesaikan masalah dengan PAS diharapkan juga akan disambut-balas dengan kejujuran PAS, Perdana Menteri menjawab: "Saya berpendapat PAS terdiri daripada ramai orang dan mustahil dalam sesuatu buah parti, tidak ada seorangpun yang jujur."

LIHAT MUKA 11

DIALOG ELAK KETEGANGAN

Beliau kesal kerana yang tidak jujur dalam PAS, nampaknya "rasa gelisah sedikit" kerana tidak mahu akui telah adanya dialog di antara UMNO - PAS.

"Ada orang dari pihak PAS nampaknya cuba menggagalkan pertemuan dan tidak suka melihat ketegangan antara UMNO dan PAS dikurangkan. Kita tetap percaya kepada demokrasi dan jika PAS nak lawan dengan kita, itu tidak jadi masalah.

"Tapi tak sepatutnya pertandingan politik menyebabkan terjadinya bermacam-macam perkara seperti yang berlaku (dalam pilihanraya kecil) Padang Terap (yang menyebabkan peristiwa berdarah di Lubuk Merbau). Itu sepatutnya dapat dielakkan."

Mengenai kenyataan Naib Presiden PAS, Haji Hadi Awang kononnya beliau tidak tahu - menahu tentang perjumpaan itu

kerana tidak menerima undangan, Perdana Menteri berkata UMNO telah menjemput semua orang yang ingin ditemui bahkan berkali-kali menjemput Haji Hadi berjumpa dengan mereka tetapi Haji Hadi yang enggan.

"Kalau dia tak hendak jumpa, itu dia punya masalah. Jika nak diundang menerusi surat rasmi dengan logo UMNO, itu semua tidak pernah ada. Haji Yusuf Rawapun tidak mendapat surat seumpama itu."

Katanya, Encik Anwar yang menjemput Haji Yusuf dan beliau sanggup datang. Beliau percaya Haji Yusuf telah membuat laporan kepada Jawatankuasa Pusat PAS tentang pertemuan itu dan beliau percaya Jawatankuasa Pusat PAS telah memilih penambahan orang untuk menghadiri pertemuan itu selain dari Haji Yusuf Rawa dan Haji Fadzil Noor.

"Kalau ada orang selalu buat tafsiran buruk kepada usaha kita yang baik itu, saya tidak dapat claklah. Jika kita buat kebajikan, tetapi ada orang sangka

kebajikan yang dibuat itu kerana ada sebab-sebab lain, itu kita tidak dapat berbuat apa-apa. Terpujilah kepada orang yang suka lempar fitnah untuk membuat apa sahaja ramalan yang dia nak buat," jawabnya kepada tohmahan kononnya perjumpaan itu sengaja diadakan untuk memecah-belahkan perpaduan PAS.

Sambil mempertahankan Encik Anwar yang dituduh oleh PAS telah membo-corkan berita pertemuan itu, Datuk Sri Dr. Mahathir menerangkan, Encik Anwar terpaksa membuat penjelasan telah mengadakan perjumpaan itu, oleh kerana ada pemimpin PAS yang menafikan adanya dialog seumpama itu.

Mengenai adanya parti komponen Barisan Nasional yang mempersoalkan kenapa UMNO mengamalkan "double standard" dengan mengadakan pertemuan dengan PAS, Perdana Menteri berkata: "Teguran itu dibuat oleh parti ini berasaskan kerana mereka tidak mendapat maklumat mengenai dialog yang diadakan."